



## **PRU-15: Kuasa rakyat!**

Maiamalina Mohamed Amin  
November 19, 2022 @ 6:30am

Kuala Lumpur: Tepat jam 8 pagi ini, pintu 8,958 pusat mengundi di seluruh negara dibuka dan lebih 20 juta pengundi mempunyai masa 10 jam sehingga 6 petang untuk memilih wakil rakyat.

Bagi Sabah dan Sarawak, pintu pusat mengundi dibuka pada jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang, dengan pembukaan semua pusat ini menandakan bermulanya hari penentuan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15).

Keseluruhan jumlah pemilih layak mengundi adalah 21,173,638 orang namun, hanya 20,905,366 pengundi yang menunaikan tanggungjawab hari ini selepas 146,737 tentera serta pasangan, 118,794 polis dan Pasukan Gerakan Am (PGA) selesai mengundi awal, Selasa lalu.

Turut terkecuali 2,741 Pengundi Tidak Hadir Luar Negara.

Debarannya lebih hebat buat 945 calon yang disahkan bertanding merebut 222 kerusi Parlimen di seluruh negara, jumlah teramai dalam sejarah PRU Malaysia.

Namun, kematian penyandang kerusi Parlimen Padang Serai, M Karupaiya yang juga calon Pakatan Harapan (PH), Rabu lalu, mengurangkan jumlah calon Parlimen bertanding kepada 939 orang, selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memutuskan tiada PRU bagi kerusi itu.

Mendiang sepatutnya menghadapi saingan enam penjujur menentang Hamzah Abd Rahman (Pejuang), Datuk C Sivaraajh (Barisan Nasional), Mohd Bakhri Hashim (Warisan), Datuk Azman Nasrudin (Perikatan Nasional) dan Sreanandha Rao (Bebas).

Dalam sidang media semalam, SPR menetapkan PRU bahagian P.017 Padang Serai diadakan pada 7 Disember, dengan hari penamaan calon pada 24 November dan hari mengundi awal pada 3 Disember.

Perkongsian SPR juga menunjukkan 441 calon bersaing merebut 117 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) di Perak, Pahang, Perlis dan kerusi N66 Bugaya, Sabah.

Ia selepas enam negeri yakni Selangor, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan tidak membubarkan Dun manakala empat negeri (Sabah, Sarawak, Melaka, Johor) sudah menjalani Pilihan Raya Negeri (PRN).

Kesemua calon ini pastinya mahukan kemenangan atau sekurang-kurangnya kalah bermaruah dengan tidak kehilangan deposit.

Bagi pengundi pula, tanggungjawab mereka adalah memilih dengan akal dan hati serta mempertimbangkan sepenuhnya kelebihan dan kekurangan calon untuk dipilih mewakili kawasan serta memimpin negara.

Jangan diukur dalam tempoh 14 hari mereka berkempen sahaja.

Penilaian juga perlu dibuat terhadap manifesto yang ditawarkan setiap parti bertanding, mana yang terbaik dan mampu dilunaskan, atau janji itu hanya jadi gula-gula PRU semata.

Sekadar perbandingan bagi parti utama yang bertanding pada PRU-15, BN menawarkan 99 Perancangan Amal dan Usaha BN (Padu) dalam mengemudi Malaysia ke arah lebih baik sekiranya diberi mandat manakala PN mengetengahkan 234 tawaran yang berteraskan 12 tunjang melalui 30 pendekatan di dalam PN Best.

PH pula menerusi Tawaran Harapan menggariskan 10 keutamaan bagi memulihkan Malaysia manakala Gerakan Tanah Air (GTA) menggariskan tujuh agenda pembaharuan dalam membentuk kerajaan berprinsip, berintegriti dan mempertahankan kedaulatan undang-undang.

Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) mempunyai manifesto tersendiri untuk menarik sokongan rakyat Borneo sekali gus menjadi cabaran kepada parti lain.

Menurut penganalisis politik yang dilaporkan media, setiap manifesto parti bertanding memperincikan 'identiti' sesuatu parti.

Dari segi kempen, setiap parti mempunyai strategi yang membawa naratif berbeza, sebagai contoh PH cenderung kepada pembukaan 'khemah besar' untuk berkongsi ideologi dan 'gossip' politik manakala BN mengutamakan pendekatan menyantuni pengundi rumah ke rumah dibantu jentera lebih-lebih lagi kaum wanita.

Namun kempen yang bagaimanakah lebih menambat hati pengundi, apatah lagi beberapa pusat penyelidikan pendapat awam masing-masing mengeluarkan dapatan kajian yang mempengaruhi sentimen pengundi.

Penganalisis politik, Dr Ainul Adzelle Hasnul dalam temubual bersama Bernama berkata, impak kempen sesuatu parti mula menunjukkan hasil positif dan ramalan yang dikeluarkan badan bebas bahawa PH mendahului PRU lebih kepada perang psikologi atau propaganda bagi meyakinkan pengundi terutama pengundi atas pagar dan pengundi 18 tahun.

Sejumlah 16 peratus daripada 6.9 juta pengundi baharu adalah belia berusia 18 hingga 20 tahun dan pertama kali mengundi selepas penguatkuasaan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan yang menurunkan had usia pengundi kepada 18 tahun dan sebagai pemilih automatik.

Menurut Prof Zaid Ahmad dari Universiti Putra Malaysia, golongan itu adalah pengundi yang akan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kemenangan sesuatu parti.

Begitupun sekiranya tiada parti politik yang mendapat majoriti mudah iaitu 112 daripada 222 kerusi Dewan Rakyat untuk membentuk kerajaan, maka akan wujud Parlimen tergantung.

Jika itu yang berlaku, kuasa di tangan Yang di-Pertuan Agong untuk menentukan siapa dalam kalangan pemimpin gabungan parti boleh dipilih sebagai Perdana Menteri.

Dalam situasi ini, kerjasama antara parti tidak boleh dielakkan, malah peguam Datuk Salehuddin Saidin berkata, pembentukan kerajaan minoriti juga tidak mustahil berlaku.

"Mana-mana keadaan boleh berlaku, sama ada parti yang sudah mempunyai cukup majoriti menghadap Yang di-Pertuan Agong atau baginda berkenan memanggil wakil parti berkenaan sebelum penggabungan.

"Apa yang relevan adalah siapa yang mendapat majoriti dan parti mana yang mahu bergabung," katanya.